



فريون سنل سني كايونغ ملسيا

PERTUBUHAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA

PPM-010-04-09042013

361 (1963)

KENYATAAN MEDIA PERTUBUHAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA

Tarikh

1. 29 Disember 2018

Tempat

2. Kompleks Belia dan Sukan Kuala Lumpur, Jalan Kg Pandan, Kuala Lumpur.

Tajuk

3. Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia (PSSGM) sah bergerak sebagai sebuah pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) semenjak 9 April 2013.

Latar Belakang

4. Pada tarikh 22 Okt. 1963 Silat Seni Gayong Malaysia telah didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan di Pejabat Pertubuhan Malaysia di Johor Baharu, Johor. Kemudian atas kehendak Akta Sukan 1998 pertubuhan ini telah dipindah pendaftaran ke Pesuruhjaya Sukan Malaysia pada 29 Julai 1998.
5. Walaupun begitu, pada tarikh 22 Februari 2013, pihak Pertubuhan telah diarahkan untuk mendaftar semula kepada JPPM. Jawatankuasa penaja telah berjaya mendaftarkannya dan mendapat kelulusan dari JPPM Cawangan Melaka pada 4 April 2013. Namun begitu jawatankuasa yang mentadbir Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia bawah pendaftaran Akta Sukan (APS 0149/1998) masih meneruskan kegiatan dan menuntut hak-haknya atas aset dan kewangan pertubuhan walaupun maklum bahawa PSSGM telah sah berdaftar kepada JPPM.



قروبيون سيلات سني كايونغ ماليسيا

PERTUBUHAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA

PPM-010-04-09042013

361 (1963)

6. Pada 27 Mei 2013, pihak berkenaan telah mendaftar dibawah JPPM Cawangan Selangor. Pertubuhan berkenaan didaftarkan atas nama Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia Kebangsaan (PSSGMK). Namun demikian konflik pula timbul apabila Pertubuhan ini tetap dan kekal mengguna nama lamanya apabila menjalankan aktiviti iaitu PSSGM.
7. Dalam hubungan ini JPPM cuba meleraikan isu pertembungan diantara PSSGM dan PSSGMK. PSSGMK berulang kali mengguna nama PSSGM pada pelbagai peringkat dalam menjalankan aktiviti pengembangan (*propogation*) nya secara terbuka dengan tanpa rasa bersalah.
8. Kini pihak pimpinan berkenaan (Datuk Adiwijaya Hj Abdullah) telah memaklumkan kepada masyarakat umum dalam melaksanakan aktivitinya bahawa hak mengendalikan Silat Seni Gayong Malaysia (PSSGM) telah diserahkan kepada PSSGMK.

Penutup

9. Justeru dengan ini dimaklumkan bahawa pihak JPPM tidak pernah mengeluarkan kenyataan bahawa hak melaksanakan Silat Seni Gayong Malaysia hanya kepada PSSGMK. Melalui suratnya bertarikh 13 Disember 2018 rujukan JPPM 05.165/679/1-2JLD.20 (9) bertajuk PENYELESAIAN PERTIKAIAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA, pihak JPPM menerima dengan kehendak PSSGMK supaya kedua-dua pertubuhan PSSGM dan PSSGMK adalah entiti berdiri sendiri dan dipersetujui hendaklah menjalankan kegiatan masing-masing secara berasingan. Kedua-dua pihak adalah tertakluk kepada Perlembagaan masing-masing dan Akta 335.



قربون من سيكايونع مسيا

PERTUBUHAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA

PPM-010-04-09042013

361 (1963)

10. Pihak PSSGM ingin menegaskan bahawa tiada pihak lain yang boleh menggunakan nama Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia (PSSGM) dan memaklumkan kepada umum bahawa PSSGM dan PSSGMK adalah dua pertubuhan/entiti yang berbeza.
11. Pihak PSSGM juga menyeru kepada pihak Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) untuk menimbang semula wakil PSSGM sedia ada. Salah satu badan pendiri dalam PESAKA adalah PSSGM bukan PSSGMK, oleh itu wakil didalam jawatankuasa PESAKA Pusat dan Negeri mestilah dari kalangan wakil PSSGM.
12. Sebarang implikasi terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh pihak JPPM ini, pihak PSSGM menyerahkan kepada peguam untuk tindakan dan keputusan penghakiman mahkamah.

Terima kasih.

Muhammad Akramin Zikri Ali
Penolong Setiausaha Agung
Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia